

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN

YB TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha serta jumlah peruntukan Kerajaan Pusat bagi menambah baik Galeri Arkeologi Guar Kepah di Kepala Batas, Pulau Pinang yang merupakan tapak penting bagi sejarah ketamadunan manusia. Jika tiada, perincian sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sedang dalam usaha untuk mewartakan Tapak Arkeologi Guar Kepah sebagai Tapak Warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].
2. Dalam hal ini, JWN masih belum menerima keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Pulau Pinang. Perancangan untuk menyediakan peruntukan bagi menambah baik Galeri Arkeologi Guar Kepah boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat permohonan bagi tujuan tersebut, tertakluk kepada peruntukan sedia ada serta keutamaan permohonan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.
3. MOTAC sentiasa bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Pulau Pinang dan sedia untuk menimbang sebarang cadangan pembangunan di kawasan Guar Kepah.

Sekian, terima kasih.